

***IKHLAS*link Comprehensive Critical Illness
Benefit Secure Takaful Rider**

1. **IKHLASlink Comprehensive Critical Illness Benefit Secure Takaful Rider**

Melindungi ketidaktentuan kehidupan. Dengan *IKHLASlink Comprehensive Critical Illness Benefit Secure Takaful Rider*, anda akan dilindungi secara menyeluruh ketika melalui tempoh yang paling sukar dalam kehidupan anda. Pelan ini meringankan beban kewangan anda khususnya untuk melindungi kos perubatan penyakit kritikal yang mengancam nyawa.

IKHLASlink Comprehensive Critical Illness Benefit (CCIB) Secure Takaful Rider adalah rider berunit deduktif yang boleh disertakan kepada pelan-pelan Takaful berkaitan pelaburan di mana Sumbangan Takaful adalah berkala.

2. **Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

Manfaat
CCIB Secure Takaful
Manfaat CCIB Pemulihan Diabetes
Manfaat CCIB Pemulihan Kanser

- i) Manfaat CCIB Pemulihan Diabetes dan Manfaat CCIB Pemulihan Kanser akan dibayar sebagai tambahan kepada amaun CCIB Secure Takaful. Manfaat ini tidak akan dibayar selepas 100% daripada amaun CCIB Secure Takaful dibayar untuk Penyakit Kritikal lain yang dilindungi.
- ii) Perlindungan untuk Penyakit Kritikal bagi Peringkat Akhir akan tamat apabila Orang Yang Dilindungi mencapai umur seratus (100) tahun pada hari jadi yang akan datang. Manakala perlindungan untuk Penyakit Kritikal di Peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan dan Penyakit Berkaitan Diabetes akan tamat apabila Orang Yang Dilindungi mencapai umur lapan puluh lima (85) tahun pada hari jadi yang akan datang.

a) Manfaat CCIB

No.	Kategori	Peringkat Penyakit Kritis		
		Peringkat Awal (50% daripada Amaun CCIB Secure Takaful)	Peringkat Pertengahan (100% daripada Amaun CCIB Secure Takaful)	Peringkat Akhir (100% daripada Amaun CCIB Secure Takaful)
1	Pembedahan Neuro seperti Pembedahan Aneurisme Otak, Pemasukan Pintasan Serebrum dan Pembedahan Arteri Karotid, termasuk Strok	- Pembedahan Aneurisme Otak - Pemasukan Pintasan Serebrum	Pembedahan Arteri Karotid	Strok
2	Aritmia Kardiak dan Serangan Jantung	Pemasukan Perentak Jantung	Pemasukan Defibrilator Jantung	Serangan Jantung
3	Penyakit Buah Pinggang	Pembedahan Pembuangan Satu Buah Pinggang	Penyakit Buah Pinggang Kronik	Kegagalan Buah Pinggang Tahap Akhir
4	Kanser	- Karsinoma-in-situ - Kanser Prostat Awal - Kanser Tiroid Awal - Kanser Pundi Awal - Leukemia Limfositik Kronik Awal	Karsinoma-in-situ dan Kanser Awal Organ Khusus lain yang dirawat dengan Pembedahan Radikal	Kanser
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari dan Penyakit Perikardial dengan Pembedahan	Perikardial	Penggrafan Pintasan Koronari Langsung Kurang Invasif (MIDCAB)	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
6	Penyakit Arteri Koronari Serius yang Lain	Penyakit Arteri Koronari Awal	Penyakit Arteri Koronari lain	Penyakit Arteri Koronari Serius yang Lain
7	Penyakit Hati	Pembedahan Hati	Sirosis Hati	Kegagalan Hati Peringkat Akhir
8	Penyakit Salur Biliari dan Hepatitis Viral Fulminan	Pembedahan Pembentukan Semula Salur Biliari	Kolangitis Sklerosis Primer Kronik	Hepatitis Viral Fulminan
9	Koma	Koma selama 48 jam	Koma selama 72 jam	Koma
10	Tumor Otak	Pembedahan Pembuangan Tumor Pituitari menerusi Hipofisektomi Trans Sfenoidal	-	Tumor Otak Benigna
11	Hilang Pendengaran	- Kehilangan Separa Pendengaran - Pembedahan Trombosis Sinus Kavernus	Pembedahan Implan Koklear	Pekak/ Hilang Menyeluruh
12	Kelecuran	Kelecuran Sederhana Teruk	Kelecuran Teruk	Kelecuran Utama
13	HIV, Hepatitis B atau C Akibat Transfusi Darah	Hepatitis B atau C yang diperolehi Menerusi Pekerjaan	-	HIV Akibat Transfusi Darah
14	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan	-	-	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan
15	Penyakit Paru-Paru	Asma Teruk	Pembuangan Satu Paru-Paru Melalui Pembedahan	Pembuangan Satu Paru-Paru Peringkat Akhir
16	Ensefalitis	Pemulihan Ensefalitis Sepenuhnya	Ensefalitis Sederhana	Ensefalitis
17	Pemindahan Organ Utama/ Sumsum Tulang	- Pemindahan Usus Kecil - Pemindahan Kornea	Pemindahan Organ Utama/ Sumsum Tulang (dalam senarai menunggu)	Pemindahan Organ Utama/ Sumsum Tulang
18	Hilang Upaya Pertuturan	Hilang Upaya Pertuturan (selain daripada kecederaan atau penyakit kepada peti suara)	-	Hilang Upaya Pertuturan
19	Pembedahan Otak	Pembedahan bagi Hematoma Subdura	-	Pembedahan Otak

20	Pembedahan Injap Jantung	Valvuloplasti Perkutaneus	Penggantian Injap Perkutaneus	Pembedahan Injap Jantung
21	Meningitis Bakteria	Pemulihan Meningitis Bakteria Sepenuhnya	Meningitis Bakteria Sederhana Teruk	Meningitis Bakteria
22	Trauma Kepala	Trauma Kepala Sederhana	-	Trauma Kepala Utama
23	Anemia Aplastik dan Sindrom Mielodisplastik	Anemia Aplastik Boleh Dipulihkan	Sindrom Mielodisplastik atau Mielofibrosis	Anemia Aplastik Kronik
24	Penyakit Neuron Motor	Penyakit Neuron Motor Awal	-	Penyakit Neuron Motor
25	Penyakit Parkinson	Penyakit Parkinson Peringkat Awal	Penyakit Parkinson Sederhana Teruk	Penyakit Parkinson
26	Penyakit Alzheimer/ Gangguan Kemosotot Otak Organik Tidak Boleh Pulih	Penyakit Alzheimer Awal	Penyakit Alzheimer Sederhana Teruk	Penyakit Alzheimer/ Gangguan Kemosotot Otak Organik Tidak Boleh Pulih
27	Penyakit Saraf Tunjang dan Distrofi Otot	Penyakit Saraf Tunjang atau Kecederaan yang menyebabkan Kegagalan Fungsi Usus dan Pundi	-	Distrofi Otot
28	Aorta	Aneurisme Aorta Asimptomatik Besar	Pembedahan Kurang Invasif ke atas Aorta	Pembedahan Aorta
29	Sklerosis Berbilang	Sklerosis Berbilang Peringkat Awal	-	Sklerosis Berbilang
30	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer Awal	-	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
31	Penyakit buah pinggang seperti Glomerulonefritis kronik dan Penyakit Sistik Medular	Glomerulonefritis Kronik	-	Penyakit Sistik Medular
32	Kardiomiopati dan Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan	Kardiomiopati Hipertrofik	Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan	Kardiomiopati Teruk
33	Eritematosus Lupus Sistemik bersama Lupus Nefritis	Eritematosus Lupus Sistemik Kurang Serious	-	Eritematosus Lupus Sistemik bersama Lupus Nefriti
34	Penyakit Terminal	-	-	Penyakit Terminal
35	Lumpuh/ Paraplegia	Hilang Penggunaan Satu Anggota	-	Lumpuh/ Paraplegia
36	Hilang Penglihatan	Hilang Penglihatan Sebelah Mata	Retinitis Pigmentosa	Buta/ Hilang Penglihatan
37	Hilang Upaya Pergerakan Bebas	Hilang Upaya Pergerakan Bebas Peringkat Awal	-	Hilang Upaya Pergerakan Bebas

Jika Orang Yang Dilindungi disahkan menghidap mana-mana satu (1) daripada CCIB yang disenaraikan dalam jadual di atas ini, sebelum tarikh Matang atau tarikh Tamat bagi Sijil Takaful Tambahan, peratus (%) daripada amaun CCIB Secure Takaful berdasarkan peringkat-peringkat Penyakit Kritikal akan dibayar. Sijil Takaful Tambahan akan ditamatkan sebaik sahaja 100% daripada amaun CCIB Secure Takaful telah dihabiskan.

b) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari Utama

Amaun bagi 'Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari Utama' adalah bersamaan dengan lima belas peratus (15%) daripada amaun CCIB Secure Takaful atau RM30,000, yang mana lebih rendah. Manfaat ini akan dibayar sekali sahaja. Amaun CCIB Secure Takaful akan dikurangkan dengan jumlah tuntutan yang dibayar di bawah 'Angioplasti dan Rawatan Invasif untuk Penyakit Arteri Koronari Utama'.

c) Manfaat CCIB Pemulihan Diabetes

Kategori	Penyakit
Penyakit Berkaitan Diabetes	<ul style="list-style-type: none">• Pembedahan untuk Diabetik Retinopati Jenis 2• Amputasi Anggota Badan disebabkan oleh Komplikasi Diabetik Jenis 2• Nefropati Diabetik Serius mengakibatkan Kegagalan Buah Pinggang

Amaun Manfaat CCIB Pemulihan Diabetes adalah bersamaan dengan dua puluh peratus (20%) daripada amaun CCIB Secure Takaful. Hanya satu (1) tuntutan yang dibenarkan di bawah Manfaat CCIB Pemulihan Diabetes dan manfaat ini dibayar sebagai tambahan kepada amaun CCIB Secure Takaful.

d) Manfaat CCIB Pemulihan Kanser

Amaun bagi Manfaat CCIB Pemulihan Kanser adalah bersamaan dengan tiga puluh lima peratus (35%) daripada amaun CCIB Secure Takaful. Amaun bagi Penyakit Kritikal Peringkat Awal adalah tiga puluh peratus (30%) daripada amaun Manfaat CCIB Pemulihan Kanser, dan Amaun Takaful bagi Penyakit Kritikal Peringkat Pertengahan/ Akhir adalah seratus peratus (100%) daripada amaun Manfaat CCIB Pemulihan Kanser.

Hanya satu (1) tuntutan yang dibenarkan untuk Kanser Peringkat Awal di bawah manfaat ini. Tuntutan seterusnya yang dibuat di bawah Kanser Peringkat Pertengahan/ Akhir akan dibayar berdasarkan baki amaun Takaful bagi Manfaat CCIB Pemulihan Kanser. Manfaat ini dibayar sebagai tambahan kepada amaun Takaful bagi CCIB Secure Takaful.

Untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan yang diberikan, sila rujuk kepada Sijil Takaful Tambahan.

3. Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Tiada Sumbangan Takaful tambahan yang dikenakan ke atas Rider ini kerana caj Tabarru' akan ditolak daripada Dana Unit daripada Sijil Takaful Asas. Walau bagaimanapun, caj Tabarru' adalah TIDAK DIJAMIN dan boleh berubah dari semasa ke semasa dengan memberi tiga (3) bulan notis kepada Peserta Takaful sebelum ulang tahun Sijil Takaful.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

a) Yuran Wakalah - tidak dikenakan.

b) Caj Tabarru' akan ditolak daripada Dana Unit daripada Sijil Takaful Asas (melalui penolakan unit-unit mengikut harga unit). Tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Orang yang Dilindungi.

5. Terma dan Had Umur

Umur Kemasukan:

Peserta Takaful:

10 – 60 tahun, umur pada hari jadi akan datang

Orang Yang Dilindungi:

30 hari – 60 tahun, umur pada hari jadi akan datang

Nota: Peserta Takaful yang berumur antara 10 – 16 tahun hendaklah mendapat persetujuan daripada ibu bapa/ penjaga.

Had Amaun Perlindungan:

Minimum: RM10,000

Maximum: RM200,000

Umur Matang:

- Orang Yang Dilindungi mencapai umur 100 tahun, pada hari jadi akan datang bagi perlindungan Penyakit Kritikal untuk Peringkat Akhir.
- Orang Yang Dilindungi mencapai umur 85 tahun, pada hari jadi akan datang bagi perlindungan Penyakit Kritikal untuk Peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan dan Manfaat Pemulihan Diabetes.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?

a) Tempoh menunggu - Perlindungan untuk Penyakit Kritikal bawah Peringkat Akhir hanya akan bermula enam puluh (60) hari selepas tarikh terbitan atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian untuk Kanser (termasuk Peringkat Akhir Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah Manfaat CCIB Kanser Pemulihan), Serangan Jantung, Penyakit Arteri Koronari Dengan Pembedahan Pintasan, Penyakit Arteri Koronari lain yang serius, dan Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari Penyakit utama dan tiga puluh (30) hari untuk semua jenis penyakit kritikal lain.

- i) Perlindungan untuk Penyakit kencing manis berkaitan, Penyakit Kritikal di peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan (termasuk awal dan Peringkat Pertengahan Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah Manfaat CCIB Kanser Pemulihan) hanya akan bermula enam puluh (60) hari selepas tarikh terbitan atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian.
- ii) Caj Takaful adalah tidak dijamin. Syarikat berhak untuk menyemak semula caj takaful dengan memberi peserta tiga (3) bulan notis bertulis sebelum ulang tahun sijil yang berikutnya. Penyelarasan caj takaful, jika ada, akan bertujuan untuk mencerminkan pengalaman tuntutan Syarikat, kos rawatan perubatan dan kemajuan dalam teknologi perubatan. Senarai ini tidak lengkap dan caj takaful boleh disemak di bawah keadaan yang munasabah. Perubahan tersebut, jika ada, hendaklah dipakai kepada semua peserta tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka.

b) Syarat - Syarat Tuntutan:

- i) Sebarang bayaran di bawah CCIB Secure Takaful (apa-apa tuntutan yang dibayar di bawah Peringkat Awal Penyakit Kritikal dan Angioplasti dan Rawatan Pembedahan lain untuk Major Arteri Koronari) akan mengurangkan jumlah CCIB Secure Takaful yang tersedia untuk tuntutan berikutnya kecuali jika tuntutan itu dibuat di bawah Manfaat CCIB Pemulihan Diabetes dan Manfaat CCIB Pemulihan Kanser.
- ii) Setelah tuntutan telah dibayar untuk satu Penyakit Kritikal dari mana-mana peringkat, Penyakit Kritikal lain dalam peringkat yang sama atau lebih awal di bawah kategori yang sama tidak akan dibayar.
- iii) Maksimum 2 tuntutan Peringkat Awal boleh dibuat di bawah kategori Penyakit Kritikal yang berlainan mengikut jadual Penyakit Kritikal dan Rider akan ditamatkan seterusnya.

- iv) Manfaat CCIB Pemulihan Diabetes dan Manfaat CCIB Pemulihan Kanser tidak akan dibayar sebaik sahaja 100% daripada amaun CCIB Secure Takaful telah dibayar.

7. Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful Tambahan ini tidak melindungi jika:

- a) Penyakit Kritikal tersebut merupakan sebarang penyakit atau pembedahan selain diagnosis atau pembedahan untuk Penyakit Kritikal seperti yang ditakrifkan;
- b) tanda-tanda atau gejala-gejala Penyakit Kritikal ditakrifkan di bawah Peringkat Akhir yang wujud sebelum atau dalam Tempoh Menunggu;
- c) Penyakit Kritikal disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran Jangkitan Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Syarikat berhak meminta Orang Yang Dilindungi untuk menjalani ujian darah HIV sebagai syarat terdahulu sebelum menerima sebarang tuntutan. Pengecualian ini tidak terpakai untuk HIV yang berlaku akibat Transfusi Darah atau Jangkitan Virus Kurang DayaTahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan. Untuk tujuan Sijil Takaful Tambahan,
 - i) Takrifan AIDS adalah merupakan apa yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987, atau semakan seterusnya yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia akan takrifan itu.
 - ii) Jangkitan hendaklah dianggap telah berlaku di mana ujian darah atau sebarang ujian lain yang berkaitan pada pendapat Syarikat menunjukkan sebarang kewujudan HIV atau Antibodi terhadap Virus seperti itu.
- d) sebarang peringkat Kanser yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh salah satu (1) dari kejadian-kejadian berikut:
 - i) sebarang peringkat Kanser atau pembedahan selain diagnosis atau pembedahan untuk peringkat Kanser seperti yang telah ditakrifkan;
 - ii) tanda-tanda atau gejala-gejala Kanser yang wujud sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh kuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil Takaful Tambahan ini, yang mana terkemudian; atau
 - iii) Kanser yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Keadaan Sedia Ada seperti ditakrifkan, yang wujud sebelum tarikh kuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil Takaful Tambahan ini, yang mana terkemudian; atau
- e) sebarang Penyakit Berkaitan Diabetes yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh salah satu (1) dari kejadian-kejadian berikut:
 - i) sebarang penyakit atau pembedahan selain diagnosis atau pembedahan untuk Penyakit Berkaitan Diabetes seperti yang telah ditakrifkan;
 - ii) tanda-tanda atau gejala-gejala Penyakit Berkaitan Diabetes yang wujud sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh kuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil Takaful Tambahan ini, yang mana terkemudian; atau
 - iii) Penyakit Berkaitan Diabetes yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Keadaan Sedia Ada seperti ditakrifkan, yang wujud sebelum tarikh kuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil Takaful Tambahan ini, yang mana terkemudian; atau
- f) Penyakit Kritikal adalah dalam peringkat yang sama atau peringkat yang lebih awal daripada kategori tuntutan Penyakit Kritikal sebelumnya, kecuali Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari Utama;

- g) sebarang Penyakit Kritikal yang didiagnosis disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, kecacatan kongenital atau penyakit yang timbul atau yang telah didiagnosis sebelum Orang Yang Dilindungi mencapai umur tujuh belas (17) tahun;
- h) sebarang Penyakit Kritikal yang disebabkan oleh kecederaan diri sendiri yang disengajakan;
- i) sebarang Penyakit Kritikal yang disebabkan secara langsung oleh pengaruh alkohol atau penyalahgunaan dadah;
- j) Orang Yang Dilindungi tidak hidup selama sekurang-kurangnya tujuh (7) hari selepas diagnosis bagi Penyakit Kritikal Peringkat Awal; atau
- k) Orang Yang Dilindungi tidak hidup selama sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas:
 - i) diagnosis suatu Penyakit Kritikal Peringkat Pertengahan; atau
 - ii) diagnosis suatu Penyakit Kritikal Peringkat Akhir; atau
 - iii) menjalani Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari Utama.
 - iv) diagnosis sebarang Penyakit Berkaitan Diabetes.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila merujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful ini.

8. Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

Jika anda mendapati rider ini tidak lagi bersesuaian, anda boleh membatalkannya dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis.

9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan dan/atau Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku insuranceinfo mengenai 'Takaful Berkaitan Pelaburan' dan/atau 'Takaful Perubatan dan Kesihatan', yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my.

11. Produk seumpama yang boleh didapati?

Tiada

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA SIJIL TAKAFUL INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.